



LEBIH DARIPADA SEKADAR KEDIAMAN, PR1MA KOMUNITI+ DIPERKENAL

MELAKA, 4 Oktober 2025 – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), agensi peneraju perumahan mampu milik bagi kumpulan M40 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperkenalkan inisiatif terbaharu, program PR1MA Komuniti+, menerusi penganjuran sulung di Residensi Pulau Sebang, Melaka, hari ini.

Program ini menzahirkan aspirasi PR1MA dalam memperkukuh hubungan kejiiran serta membuka peluang pembangunan komuniti, melebihi peranan utama sebagai penyedia perumahan mampu milik.

Program di Residensi Pulau Sebang ini menghimpunkan pelbagai aktiviti bersama penduduk setempat, agensi Kerajaan dan swasta serta usahawan kecil dan sederhana dalam kalangan komuniti. Dalam masa yang sama, PR1MA turut mempromosikan M-Niaga, iaitu ruang niaga komersial yang ditawarkan di projek PR1MA di seluruh negara sebagai platform untuk menjana ekonomi komuniti.

Menurut Datuk Azrulnizam bin Abdul Aziz, Pengerusi PR1MA, “Penganjuran program PR1MA Komuniti+ ini sejajar dengan aspirasi untuk mewujudkan komuniti yang lebih inklusif dan berdaya tahan. Kami percaya kejiiran yang kukuh terbina bukan sahaja melalui penyediaan kediaman yang berkualiti, tetapi juga melalui jaringan sosial, aktiviti bersama dan peluang ekonomi yang memanfaatkan semua lapisan masyarakat.”

Sementara itu, Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Anggota Perbadanan PR1MA berkata, “PR1MA Komuniti+ mengukuhkan komitmen kami melangkaui peranan sebagai penyedia kediaman mampu milik. Pada masa yang sama, melalui M-Niaga, PR1MA membuka peluang niaga kepada usahawan kecil dan sederhana dalam kalangan penduduk setempat, sekali gus merancakkan aktiviti sosioekonomi dan memberi nilai tambah kepada komuniti PR1MA di seluruh negara.”

Antara pengisian lain program PR1MA Komuniti+ ialah sesi perkongsian maklumat mengenai kempen diskaun sehingga 25% menerusi Rumah PR1MA Kita yang sedang berlangsung sehingga 31 Disember 2025, PR1MA *Referral Program*, promosi peranti rumah pintar dan taklimat proses perundangan perumahan *Memorandum of Transfer*. Turut serta ialah pameran oleh pelbagai agensi Kerajaan, institusi kewangan dan firma guaman selain ruang jualan makanan yang diusahakan sendiri oleh komuniti residensi ini.

Suasana lebih meriah dengan pelbagai aktiviti santai seperti permainan karnival, *petting zoo*, pertandingan mewarna kanak-kanak dan e-sukan. Turut mendapat perhatian ramai ialah demonstrasi pemadaman kebakaran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sepanjang program, pengunjung juga berpeluang menyertai kuiz interaktif dan cabutan bertuah

dengan pelbagai hadiah menarik disediakan. Kemuncak acara diserikan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang yang disempurnakan oleh Anggota-anggota Perbadanan PR1MA yang turut hadir.

Penganjuran PR1MA Komuniti+ di Residensi Pulau Sebang menegaskan sokongan PR1MA terhadap agenda Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan rakyat, kelestarian dan keterangkuman. Dengan menghubungkan aspek perumahan, komuniti dan ekonomi setempat, program ini menjadi platform strategik untuk melahirkan komuniti yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi peneraju perumahan mampu milik bagi kumpulan M40 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Huda Zafirah A Rashid (huda.zafirah@pr1ma.my / +6013 444 1189)
Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013 702 9740)